



Jabatan Bekalan Air Luar Bandar
Sarawak

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

TAHUN 2025 – 2027

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

i

1-4

5-16

17-33

34-67

68

69

70

Aspirasi Pengarah

1. Pengenalan

2. Jenayah Rasuah

3. Pengurusan Risiko Rasuah

4. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

Kesimpulan

Sekalung Budi

Rujukan

ASPIRASI PENGARAH

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ialah satu pendekatan yang digunakan untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, sama ada yang telah berlaku, sedang berlaku, atau berkemungkinan berlaku pada masa depan. Ia bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan yang berlandaskan prinsip anti-rasuah dan mengutamakan nilai integriti.

Jabatan ini telah mengambil langkah yang proaktif dalam membangunkan pelan ini bagi memastikan usaha pencegahan jenayah rasuah dan penyelewengan dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik.

Jabatan ini berharap agar Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ini boleh menutup ruang dan peluang daripada berlakunya gejala rasuah di kalangan warga kerja Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, serta mengukuhkan integriti dalam mencapai Visi, "Liputan penuh bekalan air untuk luar bandar Sarawak menjelang tahun 2030".

Datu Ir. Ts. Awg Mohammad Fadillah bin Awg Redzuan
*Pengarah,
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak*



BAB 1

PENGENALAN

1. PENGENALAN

Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak telah ditubuhkan pada Ogos 2015 dan beroperasi sepenuhnya pada April 2016. JBALB merupakan salah satu agensi pelaksana di bawah Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak. JBALB terdiri daripada Ibu Pejabat dan dua belas (12) Pejabat Bahagian iaitu Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang.



1.1 Latar Belakang

JBALB adalah hasil pengasingan fungsi dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Sejak Tahun 1882, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak bertanggungjawab dalam

1. PENGENALAN

pembinaan serta penyelenggaraan kemudahan awam dan bangunan kerajaan di Sarawak. Selain itu, bidang kuasa JKR turut meliputi pengurusan sistem bekalan air kerajaan. Peranan ini kemudiannya diselaraskan bagi memperkukuh dan memperluas tanggungjawab JKR Sarawak sejajar dengan perubahan persekitaran operasi, pertambahan populasi, serta agenda pembangunan sosioekonomi negeri ke arah status negeri maju.

Pengurusan dan pentadbiran bekalan air di Sarawak pula diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Utiliti Sarawak. Setiausaha Tetap Kementerian tersebut dilantik sebagai Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri (SWA) berdasarkan Ordinan Air 1994, yang seterusnya membolehkan penubuhan beberapa Pihak Berkuasa Bekalan Air bagi mentadbir dan mengurus isu bekalan air di kawasan bandar serta luar bandar. Pihak Berkuasa Bekalan Air yang menguruskan bekalan air di Sarawak selain daripada JBALB adalah Sarawak Water Sdn. Bhd.

1. PENGENALAN

1.2 VISI DAN MISI

**“Liputan Penuh Bekalan Air untuk
Luar Bandar Sarawak menjelang
2030”.**



**“Membekalkan kemudahan air yang
terawat dan selamat untuk luar bandar
Sarawak.”**

1.3 NILAI BERSAMA

Nilai bersama yang menjadi pegangan seluruh warga kerja JBALB adalah seperti berikut;



BAB 2

JENAYAH RASUAH

2. JENAYAH RASUAH

2.1 Definisi Rasuah

Perkataan “rasuah” berasal daripada Bahasa Latin ‘*corruptus*’ (rosak) dan ‘*corrumpere*’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Menjelang pertengahan abad ke-14, *corruption* atau *corrupcion* merujuk kepada pereputan fizikal badan dan pencemaran jiwa serta keadaan moral dan rohani. Daripada segi hubungan manusia-tuhan dan manusia-manusia, rasuah atau fasad bermaksud segala keburukan dan ketidakadilan, pemberonakan terhadap perjanjian dengan tuhan dan menindas orang lain, sehingga gagal mengakui hak tuhan, manusia dan ciptaan lain.

(Pelan Anti Rasuah Nasional, 2019)

Berdasarkan kamus *Concise Law Dictionary* (Osborn, 1927), maksud rasuah adalah memberikan atau menawarkan apa-apa ganjaran kepada mana-mana orang untuk mempengaruhi kelakuannya, atau menerima apa-apa hadiah. Menurut kamus *Oxford* pula, rasuah boleh dikatakan sebagai “perlakuan yang tidak jujur, biasanya dalam bentuk pemberian atau

2. JENAYAH RASUAH

penerimaan hadiah atau wang secara rahsia dengan tujuan mempengaruhi sikap atau tindakan seseorang yang memegang kuasa atau jawatan penting. Ini termasuk tindakan memberi atau menerima sogokan untuk mempengaruhi keputusan dan pelaksanaan sesuatu yang sepatutnya dilakukan dengan adil dan tanpa pengaruh luar. Dalam konteks keagamaan, bagi agama Islam, rasuah dalam al-Quran adalah dikenali sebagai “Rishwah” atau “Suapan”, dan dinyatakan sebagai amalan yang dilarang dan dianggap sebagai dosa besar. Al-Quran menekankan pentingnya keadilan, kejujuran, dan menolak segala bentuk penindasan atau penyalahgunaan kuasa. Ayat yang berkaitan dalam al-Quran ialah “Dan janganlah kamu makan (ambil) harta sesama kamu dengan jalan yang batil, dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta orang lain dengan (jalan) dosa, padahal kamu mengetahui (bahawa perbuatanmu itu salah)”, yang diambil daripada Surah al-Baqarah (188).

Bagi agama Kristian pula, tidak diterangkan secara langsung istilah “rasuah” tetapi konsep mengenai keadilan, integriti dan kejujuran sangat

2. JENAYAH RASUAH

ditekankan dalam ajaran Alkitab. Di dalam buku Amsal bahagi 15, ayat 27 (TB): menyatakan “Siapapun yang mengasihi keuntungan akan tidak tahan terhadap kesulitan; siapapun yang membenci rasuah akan hidup lama.” Ayat ini lebih menekankan bahawa mengasihi keuntungan (termasuk rasuah) akan membawa akibat yang buruk, manakala membenci rasuah menjanjikan kehidupan yang berpanjangan.

Dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), Rasuah membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan berkaitan dengan tugas rasmi.

Seksyen 3 dalam akta yang sama mentakrifkan suapan datang daripada pelbagai bentuk, suapan bukan sahaja berbentuk wang, juga dalam bentuk hadiah, pinjaman, fi, alang, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama.



Rajah 1: Jenis Suapan

2. JENAYAH RASUAH

2.2 Jenis Kesalahan Rasuah

Berikut adalah empat (4) jenis kesalahan utama yang digariskan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009;



Meminta atau Menerima Rasuah

Seksyen 16 dan 17(a), ASPRM 2009



Menawar atau Memberi Rasuah

Seksyen 17(b), ASPRM 2009



Mengemukakan Tuntutan Palsu

Seksyen 18, ASPRM 2009



Salah Guna Salah Guna
Jawatan atau Kedudukan

Seksyen 23, ASPRM 2009

2. JENAYAH RASUAH

2.3 Contoh Situasi Kesalahan Rasuah



Meminta atau Menerima Rasuah

Seksyen 16 dan 17(a), ASPRM 2009

Contoh Situasi;

Pegawai A menerima wang RM500.00 sebagai upah mempercepatkan bayaran tuntutan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ubah suai pejabat.



Menawar atau Memberi Rasuah

Seksyen 17(b), ASPRM 2009

Contoh Situasi;

Individu B memberi wang rasuah kepada Polis Trafik bagi mengelakkan disaman kerana kesalahan trafik.

2. JENAYAH RASUAH



Mengemukakan Tuntutan Palsu

Seksyen 18, ASPRM 2009

Contoh Situasi;

Pegawai C telah mengemukakan tuntutan kerja lebih masa kepada penyeliannya. Dokumen sokongan seperti buku kehadiran yang dilampirkan telah diubah masa “waktu keluar” untuk membuat tuntutan lebih. Tuntutan lebih tersebut adalah untuk mendapatkan keuntungan peribadi dengan niat memperdayakan penyeliannya.



Salah Guna Jawatan atau Kedudukan

Seksyen 23, ASPRM 2009

Contoh Situasi;

Pengerusi Lembaga Tender dalam satu mesyuarat tender telah menggunakan jawatannya untuk memberi projek kepada syarikat milik isterinya.

2. JENAYAH RASUAH

2.4 Hukuman Jenayah Rasuah

Hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 16, 17 dan 23 adalah;

- Penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Manakala, Kesalahan di bawah Seksyen 18 pula, jika disabitkan bersalah;

- Boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau atau silap itu atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009)

2. JENAYAH RASUAH

2.5 Statistik Kes Jenayah Rasuah

Jenis Kesalahan	Kertas Siasatan			Tangkapan		
	2021	2022	Peratus Perubahan (%)	2021	2022	Peratus Perubahan (%)
Menerima rasuah	343	293	-14.6	419	354	-15.5
Memberi rasuah	67	79	17.9	115	92	-20.0
Tuntutan palsu	192	271	41.1	175	292	66.9
Salah guna kedudukan	105	95	-9.5	89	79	-11.2
Lain-lain kesalahan	121	82	-32.2	53	92	73.6
Jumlah	828	820	-1.0	851	909	6.8

Jadual 1: Kertas siasatan dan tangkapan mengikut jenis kesalahan di Malaysia pada Tahun 2021 dan 2022

Berdasarkan siaran Akhbar Statistik Jenayah Malaysia, Tahun 2023 yang dipetik melalui laman Portal Rasmi Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kertas siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia seperti dalam Jadual 1 merekodkan penurunan 1% bersamaan dengan 8 bilangan kes pada Tahun 2022 (820 kes) berbanding Tahun 2021 (828 kes). Kertas siasatan bagi semua jenis kesalahan pada tahun 2022 mencatatkan penurunan kecuali kesalahan tuntutan palsu dan memberi rasuah masing-masing meningkat sebanyak 41.1% dan 17.9%.

2. JENAYAH RASUAH

Kategori/ Bulan	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun
Penjawat Awam	27	46	72	12	91	71
Pengurusan Tertinggi	1	0	0	0	0	1
Pengurusan dan Profesional	9	23	18	1	18	22
Sokongan	17	23	54	11	73	48
Awam	98	86	79	23	47	67
Swasta	76	48	63	16	32	55
Orang Awam	21	34	13	4	10	12
Lain-lain	1	4	3	3	5	0

Jadual 2: Statistik tangkapan keseluruhan bagi Tahun 2023 (Setakat bulan Jun)

Bagi Tahun 2023 pula, berdasarkan jadual 2 di atas, jumlah tangkapan kes rasuah pada tahun 2023 adalah tertinggi pada bulan Mei bagi kategori penjawat awam iaitu 91 dan Januari bagi kategori awam sebanyak 98 kes. Jadual jelas menunjukkan ramai penjawat awam terutama golongan sokongan yang terlibat dengan kes rasuah, begitu juga dengan awam, kes lebih banyak melibatkan pihak swasta.

2. JENAYAH RASUAH

2.6 Inisiatif Pencegahan

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membanteras rasuah, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan salah satu inisiatif yang telah dicapai pada tahun 1967. Suruhanjaya ini telah diperkukuhkan beberapa kali bagi memperbaiki keberkesanannya dalam memerangi rasuah. Adalah menjadi tanggungjawab SPRM untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes rasuah serta mendidik masyarakat supaya tidak terlibat dalam kes-kes berkaitan.

Selain penubuhan SPRM, undang-undang juga diperkasakan dengan mewujudkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001.

Pelbagai program kesedaran yang telah dilaksanakan bagi mendidik rakyat mengenai bahaya rasuah dan cara melaporkannya, begitu juga dengan

2. JENAYAH RASUAH

kerjasama antarabangsa, Malaysia juga telah bekerjasama dengan negara-negara lain dan organisasi antarabangsa seperti *Transparency International* dan *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* untuk menangani rasuah secara global.

Rasuah pada hari ini masih lagi menjadi isu yang signifikan di Malaysia, walaupun terdapat pelbagai inisiatif lain yang telah dilaksanakan, kerajaan tetap perlu menjalankan usaha yang berterusan bagi menangani isu ini secara berkesan.

Di peringkat agensi awam dan organisasi, inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah dengan menubuhkan Unit Integriti, memperkenalkan mekanisme pengurusan rasuah iaitu Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Anti-Rasuah Organisasi serta mewujudkan Jawatankuasa Tatakelola (dikenali sebagai Jawatankuasa Anti-Rasuah sebelum ini) bagi memerangi rasuah.


BAB 3

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah adalah satu pendekatan atau alat yang digunakan untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah sama ada yang telah berlaku, sedang berlaku ataupun berkemungkinan akan berlaku. Ia adalah satu mekanisme untuk mewujudkan sebuah sistem, pengurusan yang bercirikan anti-rasuah dan mendukung nilai integriti.

Komponen utama dalam Pengurusan Risiko Rasuah adalah seperti Rajah 2 di bawah;



Rajah 2: Komponen utama pengurusan Risiko Rasuah

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Proses membangunkan pelan ini merangkumi perkara berikut;

a) Kenal pasti matlamat strategik

b) Kenal pasti aktiviti utama

c) Kenal pasti risiko

d) Kenal pasti punca-punca

(Menggunakan Terma Rujukan yang telah ditentukan)

a) Kawalan sedia ada dan kawalan tambahan

b) Keberkesanan kawalan sedia ada


c) Risiko

d) Pilihan Rawatan Risiko

e) Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

f) Pemantauan oleh Unit Integriti

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko Rasuah

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pembangunan Pelan CRM memerlukan sembilan (9) borang berikut;

- a) CRM 01: Matlamat Organisasi, Aktiviti/ Proses Kerja Utama & Potensi Risiko Rasuah
- b) CRM 02: Daftar Risiko Rasuah
- c) CRM 3.: Analisa Risiko Rasuah
- d) CRM 04: Ringkasan Risiko Rasuah
- e) CRM 05: Ringkasan Pelan Tindakan
- f) CRM 06: Pemantauan – Penyediaan Pelan Tindakan Terperinci
- g) CRM 07: Pemantauan – Pelaksanaan Pelan Tindakan
- h) CRM 08: Pemantauan – Keberkesanan Pelan Tindakan; dan
- i) CRM 09: Pemantauan – Potensi Risiko Baru

Borang CRM 01 sehingga CRM 05 digunakan bagi mengenal pasti risiko yang telah berlaku, sedang berlaku atau berkemungkinan berlaku. Manakala, CRM 06 sehingga CRM 09 adalah digunakan oleh Unit Integriti bagi memantau pelan tindakan dan menilai risiko dari masa ke semasa.

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.1 KENAL PASTI RISIKO (CRM 02)

Risiko boleh dikenal pasti melalui penilaian terhadap Laporan Pengurusan, Laporan Audit Dalam, mengadakan temuduga, Sesi Bengkel *brainstorming*, menjalankan Kaji Selidik, Penilaian dan penyelidikan.



Rajah 4: Kenalpasti Risiko

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.2 KENAL PASTI PUNCA RISIKO (CRM 02)

Risiko atau potensi rasuah dikenal pasti menggunakan tujuh (7) Terma Rujukan berikut;

- a) Dasar dan Perundangan
- b) Sistem dan Prosedur Kerja
- c) Nilai-nilai Murni dan Kod Etika
- d) Pengurusan Pelanggan
- e) Kawalan Dalaman
- f) Tindakan Pengesanan, punitif dan Pemulihan
- g) Pengiktirafan dan Penghargaan

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

FAKTOR	IMPAK (<i>Consequences</i>)				
	TIDAK BERKESAN (<i>Insignificant</i>)	KECIL (<i>Minor</i>)	SEDERHANA (<i>Moderate</i>)	BESAR (<i>Major</i>)	MEMUSNAHKAN (<i>Catastrophic</i>)
Contoh Pengukuran Risiko:					
IMEJ/REPUTASI	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita	Menyokong, impak rendah, berita profil rendah	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil sederhana	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
ADUAN AWAM	< 5 per bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	21-50 per bulan	> 50 per bulan
PERUNDANGAN/ PEMATUHAN	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyiasatan besar
IMPAK RISIKO/ USAHA PENGURUSAN	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang memerlukan usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang memerlukan usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/kejatuhan (<i>Collapse</i>)

Jadual 3: Parameter Consequences

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

PENERANGAN	PENERANGAN KEBARANGKALIAN RISIKO
Hampir Pasti Berlaku (<i>Almost Certain</i>)	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang
Kemungkinan berlaku (<i>Likely</i>)	Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku atas di antara 50 % dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Sederhana (<i>Moderate</i>)	Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Kemungkinan Kecil Berlaku (<i>Unlikely</i>)	Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5% dan 25% dalam tempoh 12 bulan akan datang
Jarang (<i>Rare</i>)	Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh

Jadual 4: Parameter Kebarangkalian

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.3 KAWALAN SEDIA ADA DAN KEBERKESANAN (CRM 02)

Kawalan sedia ada adalah berpandukan 7 Terma Rujukan CRM, contoh-contoh kawalan yang dilakukan adalah melalui dasar, undang-undang, akta dan ordinans, pekeliling, fail meja, Manual Prosedur Kerja, Prosedur Operasi Standard, Pekeliling Dalam dan Amalan Baik (*best practices*).

Kebekkesanan kawalan dalam menangani risiko tertentu dinilai selepas keadaan persekitaran faktor luaran dipertimbangkan. Berikut adalah jadual bagi penilaian keberkesanan kawalan.

Memuaskan	Kawalan sedia ada, mantap dan beroperasi dengan betul untuk memberikan tahap yang munasabah bagi menjamin pencapaian objektif.
Ada kelemahan	Sesetengah kawalan dikenal pasti mempunyai kelemahan / kurang efisien. Walau bagaimanapun, ianya tidak membawa kepada risiko yang serius. Penambahbaikan diperlukan untuk menjamin pencapaian objektif.
Lemah	Kawalan yang ada tidak memenuhi standard yang boleh diterima kerana wujud banyak kelemahan / tidak efisien. Kawalan tidak dapat memberikan jaminan pencapaian.

Jadual 5: Keberkesanan Kawalan

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.4 PENILAIAN TAHAP RISIKO (CRM 02)

Penilaian tahap risiko adalah berdasarkan Jadual 4 di bawah;

Kebarangkalian/ Impak	Tidak Berkesan (<i>Insignificant</i>)	Kecil (<i>Minor</i>)	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Besar (<i>Major</i>)	Kemusnahan (<i>Catastrophic</i>)
Hampir Pasti Berlaku (<i>Almost Certain</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Tinggi (<i>High</i>)	Tinggi (<i>High</i>)	Tinggi (<i>High</i>)
Kemungkinan Berlaku (<i>Likely</i>)	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Tinggi (<i>High</i>)	Tinggi (<i>High</i>)
Sederhana (<i>Moderate</i>)	Rendah (<i>Low</i>)	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Tinggi (<i>High</i>)	Tinggi (<i>High</i>)
Kemungkinan Berlaku Kecil (<i>Unlikely</i>)	Rendah (<i>Low</i>)	Rendah (<i>Low</i>)	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Tinggi (<i>High</i>)
Jarang (<i>Rare</i>)	Rendah (<i>Low</i>)	Rendah (<i>Low</i>)	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)	Signifikan (<i>Significant</i>)

Jadual 6: Matrik Tahap Risiko

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.4 PENILAIAN TAHAP RISIKO (CRM 02)

Penerangan bagi penarafan risiko adalah seperti berikut;

a) Tinggi (*High*)

Risiko berimpak tinggi dan mempunyai kebarangkalian berlaku juga adalah tinggi. Kawalan tidak berkesan atau berpunca daripada faktor-faktor luar. Memerlukan pelan tindakan risiko dengan segera untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko tersebut.

b) Signifikan (*Significant*)

Risiko utama yang mempunyai impak yang tinggi dan kebarangkalian untuk berlaku juga adalah tinggi. Memerlukan pelan tindakan risiko dengan segera untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko tersebut sekiranya perlu.

c) Sederhana (*Moderate*) dan Rendah (*Low*)

Boleh dipertimbangkan sebagai risiko yang boleh dikawal yang mana kawalan sedia ada berfungsi seperti mana yang diharapkan. Tidak memerlukan kawalan tambahan, hanya mengawalselia kawalan yang sedia ada.

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.5 PILIHAN RAWATAN RISIKO DAN PELAN TINDAKAN

3.5.1 PILIHAN RAWATAN RISIKO (TRAP) (CRM3.)

a) Hapus

Menyingkirkan risiko yang berkenaan dengan menggugurkan mana-mana aktiviti dan proses kerja yang melibatkan risiko rasuah tersebut. Misalnya menggugurkan proses kerja atau sesuatu urusan atau proses aktiviti yang tidak lagi mendatangkan keuntungan kepada organisasi.

b) Pindah

Memindahkan aktiviti berkaitan yang berisiko kepada pihak lain di luar organisasi. Sebagai analoginya, urusan bayaran pampasan jika berlaku kemalangan oleh organisasi sebuah Syarikat Bas Ekspres dipindahkan kepada pihak lain dengan pembelian insurans dari Syarikat Insurans dan pampasan akan dibayar oleh syarikat insurans terbabit.

c) Kurang

Menurunkan kadar risiko dengan pelaksanaan kawalan tambahan (*additional control*). Contohnya menurunkan taraf risiko daripada *High* kepada *Moderate* (Impak Kebarangkalian/Kedua-dua).

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

3.5 PILIHAN RAWATAN RISIKO DAN PELAN TINDAKAN

3.5.1 PILIHAN RAWATAN RISIKO (TRAP) (CRM3.)

d) Terima

Menerima risiko tersebut dengan kawalan tambahan atau pengukuhan kawalan sedia ada (*existing control*). Rawatan menerima (*Accept*) dipilih sekiranya taraf risikonya tinggi disebabkan faktor luar yang tidak boleh dikawal tetapi aktiviti tersebut masih perlu dilaksanakan atau tiada bajet untuk melaksanakan kawalan tambahan. Contoh risiko seperti berlakunya campur tangan politik dalam sesuatu urusan kelulusan lesen atau permit.

3.5.2 PELAN TINDAKAN (CRM 02, CRM 3. & CRM 05)

Pelan tindakan adalah merupakan kawalan tambahan atau cadangan penambahbaikan bagi menampung kelemahan dari sudut jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang berlaku. Cadangan penambahbaikan ini tidak semestinya mewujudkan akta, peraturan, garis panduan yang baru tetapi boleh meliputi latihan, program dan lain-lain.

Pelan tindakan dikenal pasti dengan menggunakan borang CRM 02, disalin ke dalam borang CRM 3. dan kawalan tambahan bagi kesemua risiko yang didaftarkan diringkaskan di dalam borang CRM 05.

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

CRM 02

DAFTAR RISIKO

Risiko ID:

(Aktiviti/Proses kerja utama): 2

Tajuk Risiko: 3

Negeri/Kementerian: XYZ

Penjelasan Risiko: Penjelasan terperinci kepada Tajuk Risiko di (3)

Jabatan:

Pemilik Risiko:

4a Punca-Punca (Causes)

4b Akibat (Consequences)

5a Kawalan Sedia Ada (Existing control)

5b Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR

Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl Effectiveness)

Memuaskan / Ada Kelemahan/ Lemah 6

7a Impak (Impact)

7b Kebarangkalian (likelihood)

7c Baki Tahap Risiko (Residual Risk)

Rajah 5: Contoh Borang CRM 02

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

CRM 03

RISIKO		RISIKO ID:										
Analisa Risiko	☐ Terkawal (controlable)	☐ Berterusan (On going)	Berkait dengan risiko lain?									
	☐ Tidak Terkawal (Uncontrolable)	☐ Sekali (Discrete)										
	☐ Gabungan (Combination)											
Strategi Menangani Risiko: ☐ Hapus (Terminate) ☒ Kurangkan (Reduce) ☐ Terima (Accept) ☐ Pindah (Pass on)		8 <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">Kategori Risiko:</td> <td colspan="2">Perolehan/Pembinaan/Penguatkuasaan</td> </tr> <tr> <td>Pemilik Risiko:</td> <td colspan="2">Agensi berkaitan</td> </tr> <tr> <td>Tarikh penilaian dijalankan:</td> <td>(Tarikh semasa bengkel)</td> <td>Tarikh penilaian berikut: (Suku tahun/ Setengah Tahun daripada tarikh penilaian pertama)</td> </tr> </table>		Kategori Risiko:	Perolehan/Pembinaan/Penguatkuasaan		Pemilik Risiko:	Agensi berkaitan		Tarikh penilaian dijalankan:	(Tarikh semasa bengkel)	Tarikh penilaian berikut: (Suku tahun/ Setengah Tahun daripada tarikh penilaian pertama)
Kategori Risiko:	Perolehan/Pembinaan/Penguatkuasaan											
Pemilik Risiko:	Agensi berkaitan											
Tarikh penilaian dijalankan:	(Tarikh semasa bengkel)	Tarikh penilaian berikut: (Suku tahun/ Setengah Tahun daripada tarikh penilaian pertama)										
Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko:										
Sasaran Impak	Sasaran Kemungkinan:	Sasaran Tahap Risiko:										
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan		TOR	Tanggungjawab									
Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci												

Rajah 6: Contoh Borang CRM 3.

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

CRM 05

RINGKASAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

BIL.	AKTIVITI/ PROSES KERJA UTAMA & BIDANG RISIKO RASUAH	PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (PPRR)	TOR	TANGGUNGJAWAB	SASARAN TARIKH PPRR TERPERINCI
1.					
2.	CRM 01	CRM 03			
3.					
4.					


Rajah 7: Contoh Borang CRM 05

Pelan tindakan ini seterusnya akan dipantau oleh pihak Unit Integriti dengan menggunakan borang-borang pemantauan (CRM 06 – CRM 09) dan pelan ini akan **dikaji semula setiap dua (2) tahun sekali.**



BAB 4

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH



Matlamat Strategik/Perancangan Strategik				
Visi	Liputan penuh bekalan air untuk luar bandar Sarawak menjelang 23.0.			
Misi	Membekalkan kemudahan air yang terawat dan selamat untuk luar bandar Sarawak.			
Proses-proses Utama yang berkait dengan Matlamat Strategik				
Pengurusan Sumber Manusia	Pengurusan Aset	Operasi	Pengurusan Projek	Perolehan
				
Potensi Risiko Rasuah (berkait dengan proses-proses)				
Salah guna kuasa oleh Panel dalam temuduga pengambilan jawatan teknikal gred 9 dan gred 5.	Pakatan di antara Pegawai dan Pembekal Perkhidmatan dalam memilih pembekal perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan yang sama.	Pakatan antara pegawai dan kontraktor untuk membuat / memproses tuntutan palsu bagi kerja – kerja yang tidak dibuat / tidak wujud / tidak sempurna.	Pakatan rasuah di antara pegawai memanipulasi/berpakat laporan pengsyoran dengan kontraktor dalam memperakui dan memperakukan pembayaran ke atas kerja-kerja yang tidak dijalankan sepenuhnya (CPC, CMGD, Final Certificate)	Pakatan rasuah antara pegawai yang dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Tender dengan Kontraktor dalam mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Tender.
	Penyalahgunaan kuasa dengan memalsukan maklumat sebut harga bagi penggantian peralatan kenderaan.	Pegawai menerima suapan untuk tidak membaca meter air dengan betul atau bersubahat menyembunyikan kecurian air.	Pakatan rasuah antara pegawai projek dengan kontraktor.	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian.
			Pakatan rasuah diantara pegawai dan perunding dalam tuntutan maklumat palsu untuk yuran penyeliaan dan pembayaran balik.	

Risiko ID: 01		(Aktiviti/Proses kerja utama): Pengambilan jawatan teknikal Gred 9 dan Gred 5.	
Tajuk Risiko: Salah guna kuasa oleh Panel dalam temuduga pengambilan jawatan teknikal gred 9 dan gred 5.		Negeri/Kementerian: Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	
Penjelasan Risiko: Pemilihan panel temuduga yang tidak konsisten oleh Jabatan akan membuka ruang dan peluang berlakunya salah guna kuasa oleh panel temuduga yang dilantik.		Jabatan: Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak	
		Pemilik Risiko: 1. Cawangan Sumber Manusia	
Punca-Punca (Causes)		Akibat (Consequences)	
1. Conflict of interest. 2.Tiada Garis Panduan Temuduga Jawatan Teknikal gred 9 dan gred 5.		1. Hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap tatakelola Jabatan. 2.Matlamat Jabatan tidak tercapai. 3.Amalan Jabatan akan berterusan.	
Kawalan Sedia Ada (Existing control)		Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR	
1. Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (Perwakilan Kuasa-Kuasa) 2004. 2.Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996. 3.Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996. 4.Manual Operasi Cawangan Sumber Manusia. 5.MyPortfolio.		1. Mewujudkan Garis Panduan Temuduga Jawatan Teknikal gred 9 dan gred 5. (TOR 2,5) 2.Mewujudkan Borang Perakuan Conflict of Interest. (TOR 2,5)	
Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)		Ada kelemahan	
Impak (Impact)		Kebarangkalian (likelihood)	Baki tahap risiko (residual risk)
Major		Moderate	High

RISIKO		Salah guna kuasa oleh Panel dalam temuduga pengambilan jawatan teknikal gred 9 dan gred 5.				RISIKO ID: 01	
Analisa Risiko	☐ Terkawal (controlable)		☐ Berterusan (On going)		Berkait dengan risiko lain?		
	☐ Tidak Terkawal (Uncontrolable)		☐ Sekali (Discrete)		Tiada		
	☐ Gabungan (Combination)						
Strategi Menangani Risiko: ☐ Hapus (Terminate) ☒ Kurangkan (Reduce) ☐ Terima (Accept) ☐ Pindah (Pass on)			Kategori Risiko:		Sumber Manusia		
			Pemilik Risiko:		Cawangan Sumber Manusia		
			Tarikh penilaian: 18 September 2024		Tarikh penilaian berikut: Jun 2025		
Impak	Major	Kebarangkalian	Moderate	Tahap Risiko: (Baki Tahap Risiko)	High		
Sasaran Impak:	Major	Sasaran Kemungkinan:	Unlikely	Sasaran Tahap Risiko:	Significant		
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan			TOR	Tanggungjawab		Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci	
Mewujudkan Garis Panduan Temuduga Jawatan Teknikal gred 9 dan gred 5.			2,5	Cawangan Sumber Manusia		Disember 2025	
Mewujudkan Borang Perakuan <i>Conflict of Interest</i> .			2,5	Cawangan Sumber Manusia		Julai 2025	

Risko ID: 02		(Aktiviti/Proses kerja utama): Pengurusan Aset	
Tajuk Risiko:		Pakatan di antara Pegawai dan Pembekal Perkhidmatan dalam memilih pembekal perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan yang sama.	Negeri/Kementerian:
Penjelasan Risiko:		Amalan favoritism di antara Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan serta pembekal perkhidmatan untuk membuat kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan rasmi kerajaan kerana pegawai memperoleh habuan yang telah dijanjikan.	Jabatan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak
Punca-Punca (Causes)		Pemilik Risiko	Cawangan Aset, JBALB
1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Tidak mematuhi SOP/ISO. 3. Tiada penyeliaan oleh pegawai penyelia. 4. Pegawai menyalah guna kuasa untuk kepentingan peribadi.		Akibat (Consequences)	
Kawalan Sedia Ada (Existing control)		Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR	
1. Surat Pekeliling No. 27/99 Pengurusan dan Penggunaan Kenderaan Kerajaan 2. Surat Pekeliling (Per. Bil. 6/1991) Arahan Tetap bagi Drebar- Drebar Kerajaan 3. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bil.6/2023 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Sarawak 4. Asset Branch Operation Manual (Issue No. 02) 5. Divisional Operation Manual (Rev. 3. / 2024)		1. Imej jabatan terjejas. 2. Bekalan dan perkhidmatan tidak menepati piawaian. 3. Keselamatan pengguna kenderaan terancam. 4. Pembaziran wang jabatan. 1. Mengadakan taklimat berkenaan Tatacara Perolehan Terus Negeri Sarawak bagi Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan Ibu Pejabat JBALB Sarawak dan Pejabat JBALB Bahagian. (TOR 3) 2. Mengadakan pemeriksaan secara berkala berkenaan proses pemilihan perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan. (TOR 2,5)	
Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)		Ada Kelemahan	
Impak (Impact)		Kebarangkalian (likelihood)	
Major		Likely	
		Baki tahap risiko (residual risk)	
		High	

RISIKO		Pakatan di antara Pegawai dan Pembekal Perkhidmatan dalam memilih pembekal perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan yang sama.			RISIKO ID: 02		
Analisa Risiko	☒ Terkawal (controlable)		☒ Berterusan (On going)		Berkait dengan risiko lain?		
	☐ Tidak Terkawal (Uncontrolable)		☐ Sekali (Discrete)				
	☐ Gabungan (Combination)						
Strategi Menangani Risiko: ☐ Hapus (Terminate) ☒ Kurangkan (Reduce) ☐ Terima (Accept) ☐ Pindah (Pass on)				Kategori Risiko:		Aset	
				Pemilik Risiko:		Cawangan Aset, JBALB	
				Tarikh penilaian: 18 September 2024		Tarikh penilaian berikut: 17 September 2025	
Impak	Major	Kebarangkalian	Likely	Tahap Risiko: (Baki Tahap Risiko)	High		
Sasaran Impak:	Moderate	Sasaran Kemungkinan:	Moderate	Sasaran Tahap Risiko:	Significant		
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan			TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci		
Mengadakan taklimat berkenaan Tatacara Perolehan Terus Negeri Sarawak bagi Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan Ibu Pejabat JBALB Sarawak dan Pejabat JBALB Bahagian.			3	Cawangan Sumber Manusia & Cawangan Aset	3 Siri – 2026		
Mengadakan pemeriksaan secara berkala berkenaan proses pemilihan perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan.			2,5	Cawangan Integriti, Sumber Manusia & Aset	2 Pejabat – 2025 6 Pejabat – 2026 7 Pejabat – 2027		

Risiko ID: 3.		(Aktiviti/Proses kerja utama): Pengurusan Aset	
Tajuk Risiko:		Penyalahgunaan kuasa dengan memalsukan maklumat sebut harga bagi penggantian peralatan kenderaan.	Negeri/Kementerian:
Penjelasan Risiko:		Pakatan di antara Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan serta pembekal perkhidmatan dalam memalsukan maklumat sebut harga untuk membuat tuntutan palsu bagi penggantian peralatan kenderaan rasmi kerajaan seperti tayar, bateri dan lain-lain peralatan kenderaan.	Jabatan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak
		Pemilik Risiko	Cawangan Aset, JBALB
Punca-Punca (Causes)		Akibat (Consequences)	
1. Pegawai tidak berintegriti. 2. Tidak mematuhi SOP/ISO. 3. Tiada penyeliaan oleh pegawai penyelia. 4. Pegawai menyalah guna kuasa untuk kepentingan peribadi		1. Imej jabatan terjejas. 2. Peralatan/ alat ganti yang dibekalkan tidak berkualiti. 3. Tahap keupayaan kenderaan merosot/tidak selamat. 4. Pembaziran wang jabatan.	
Kawalan Sedia Ada (Existing control)		Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR	
1. Surat Pekeliling No. 27/99 Pengurusan dan Penggunaan Kenderaan Kerajaan 2. Surat Pekeliling (Per. Bil. 6/1991) Arahan Tetap bagi Drebar- Drebar Kerajaan 3. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bil.6/2023 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Sarawak 4. Asset Branch Operation Manual (Issue No. 02) 5. Divisional Operation Manual (Rev. 3. / 2024)		1. Penganjuran seminar berkaitan rasuah bagi Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan Ibu Pejabat JBALB Sarawak dan Pejabat JBALB Bahagian. (TOR 3) 2. Mengadakan pemeriksaan secara berkala dengan menyemak dokumen perolehan, Integrity Pact, rekod resit, dan Rekod Penyelenggaraan Aset Alih KEW-PA 15. (TOR 2,5)	
Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)		Ada Kelemahan	
Impak (Impact)		Kebarangkalian (likelihood)	Baki tahap risiko (residual risk)
Major		Likely	High

RISIKO		Penyalahgunaan kuasa dengan memalsukan maklumat sebut harga bagi penggantian peralatan kenderaan.				RISIKO ID: 3.	
Analisa Risiko	☒ Terkawal (controlable)		☒ Berterusan (On going)		Berkait dengan risiko lain?		
	☐ Tidak Terkawal (Uncontrolable)		☐ Sekali (Discrete)				
	☐ Gabungan (Combination)						
Strategi Menangani Risiko: ☐ Hapus (Terminate) ☒ Kurangkan (Reduce) ☐ Terima (Accept) ☐ Pindah (Pass on)				Kategori Risiko:	Aset		
				Pemilik Risiko:	Cawangan Aset, JBALB		
				Tarikh penilaian: 18 September 2024		Tarikh penilaian berikut: 17 September 2025	
Impak	Major	Kebarangkalian	Likely	Tahap Risiko: (Baki Tahap Risiko)	High		
Sasaran Impak:	Moderate	Sasaran Kemungkinan:	Moderate	Sasaran Tahap Risiko:	Significant		
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan			TOR	Tanggungjawab		Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci	
Penganjuran seminar berkaitan rasuah bagi Pegawai Pengangkutan dan Pemandu Kenderaan Ibu Pejabat JBALB Sarawak dan Pejabat JBALB Bahagian.			3	Cawangan Integriti, Cawangan Sumber Manusia & Cawangan Aset		3 Siri – 2026	
Mengadakan pemeriksaan secara berkala dengan menyemak dokumen perolehan, Integrity Pact, rekod resit, dan Rekod Penyelenggaraan Aset Alih KEW-PA 15.			2,5	Cawangan Aset & Cawangan Kewangan		2 Pejabat – 2025 6 Pejabat – 2026 7 Pejabat – 2027	

Risiko ID: 04	(Aktiviti/Proses kerja utama): Operasi	
Tajuk Risiko:	Pakatan antara pegawai dan kontraktor untuk membuat / memproses tuntutan palsu bagi kerja – kerja yang tidak dibuat / tidak wujud / tidak sempurna.	Negeri/Kementerian: Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
Penjelasan Risiko:	Jabatan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak Pemilik Risiko: Pejabat Bahagian JBALB 1. Tidak Dibuat: Tiada kerja sebenar yang dilakukan, namun tuntutan dibuat seolah-olah kerja telah disiapkan. Ini boleh berlaku apabila pegawai mendakwa kerja telah dilaksanakan tanpa bukti atau pengesahan. 2. Tidak Wujud: Tuntutan dibuat untuk kerja atau projek yang tidak pernah dirancang atau wujud. Pegawai mungkin mencipta kerja rekaan untuk mendapatkan bayaran palsu. 3. Tidak Sempurna: Kerja dilakukan tetapi tidak menepati piawaian, spesifikasi, atau skop yang ditetapkan. Dalam kes ini, kerja mungkin dilaksanakan secara tidak lengkap atau berkualiti rendah, tetapi tuntutan penuh masih dibuat.	

Punca-Punca (Causes)	Akibat (Consequences)
1. Pegawai yang dilantik dan terlibat tidak berintegriti. 2. Pakatan antara kakitangan Jabatan dan pihak berkepentingan. 3. Tidak ada pematuhan dan pemantauan ke atas SOP yang digunakan. 4. Faktor / krisis kewangan pegawai terlibat.	1. Kerugian daripada segi kewangan. 2. Imej Jabatan akan terjejas. 3. Menjejaskan operasi bekalan air dan rutin jabatan. 4. Pegawai melanggar tatakelola berhubung tatacara kewangan.

Kawalan Sedia Ada (Existing control)	Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR
1. JBALB Sarawak Divisional Operation Manual Rev 02/2024 (1,2 dan 3) 2. The State Public Service General Orders 1996 (4) 3. Arahan Perbendaharaan 2023 Pindaan 2023 (1 dan 2) 4. Public Service Commission Rules 1996 (1 dan 4) 5. Mengambil tindakan punitif untuk pegawai yang terlibat. (1 dan 2)	1. Menjalankan pematuhan dan pemantauan melalui pewujudan pasukan audit oleh Sektor Operasi bersama Pengurus Kualiti dan Pejabat Bahagian berhubung isu tuntutan palsu. (TOR 6) 2. Menganjurkan aktiviti seperti taklimat, ceramah dsb mengenai anti rasuah ke semua pejabat bahagian. (TOR 3) 3. Melaksanakan pusingan kerja. (TOR 1 & 5)

Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)		Ada kelemahan	
Impak (Impact)	Kebarangkalian (likelihood)	Baki tahap risiko (residual risk)	
Major	Likely	High	

RISIKO		Pakatan antara pegawai dan kontraktor untuk membuat / memproses tuntutan palsu bagi kerja – kerja yang tidak dibuat / tidak wujud / tidak sempurna.			RISIKO ID: 04	
Analisa Risiko	☒ Terkawal (controllable)	☒ Berterusan (On going)		Berkait dengan risiko lain?		
	☐ Tidak Terkawal (Uncontrollable)	☐ Sekali (Discrete)		-		
	☐ Gabungan (Combination)					
Strategi Menangani Risiko:				Kategori Risiko:	Operasi	
☐ Hapus (Terminate) ☒ Kurangkan (Reduce) ☐ Terima (Accept) ☐ Pindah (Pass on)				Pemilik Risiko:	Sektor Operasi, Jurutera Air Bahagian	
				Tarikh penilaian: 18 September 2024		Tarikh penilaian berikut: 18 Jun 2025
Impak	Major	Kebarangkalian	Likely	Tahap Risiko: (Baki Tahap Risiko)	High	
Sasaran Impak:	Major	Sasaran Kemungkinan:	Unlikely	Sasaran Tahap Risiko:	Significant	
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan			TOR	Tanggungjawab		Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci
